

TARIKH	14 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	57	RUANGAN	BISNES

Terokai pasaran hartaanah di UK

Segmen baru Tabung Haji

>>Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@hmetro.com.my

LEMAGA Tabung Haji (Tabung Haji) akan merokai pasaran hartaanah di United Kingdom (UK) dalam segmen komersial dengan transaksi pertamanya dijangka bernalilai antara RM732.3 juta dan RM976.4 juta tahun ini.

Tabung Haji berhasrat merokai pasaran hartaanah di negara berkenaan sejak dua hingga tiga tahun lalu, tetapi ia mengambil masa bagi memastikan setiap transaksi yang dilaksanakan berlandaskan syariah dan memberi kesan positif ke atas pendepositnya.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail berkata, Tabung Haji mengambil masa agak lama untuk memuktamadkan keputusan itu kerana pihaknya perlu menganalisis secara terperinci suasana pasaran di UK.

Katanya, Tabung Haji tidak perlu memuktamadkan keputusan tergesa-gesa dalam pelaburan kerana ia mem-



"Kami perlu pastikan setiap syarikat yang beroperasi dalam bangunan berkenaan menjalankan perniagaan berteraskan syariah"

>Datuk Ismee Ismail

babitkan kesan jangka masa panjang ke atas operasinya.

"Dalam dua hingga tiga tahun itu, Tabung Haji bukan saja melihat kepada potensi pasaran hartaanah di sana, tetapi kami perlu pastikan setiap syarikat yang menjalankan operasi di dalam bangunan berkenaan menjalankan perniagaan berteraskan syariah.

"Kami juga mencari peluang perniagaan dalam segmen pelaburan hartaanah lain, tetapi untuk transaksi pertama ini Tabung Haji lebih bermintat ke atas aset hartaanah komersial," katanya selepas pelancaran Ikrar Integriti Korporat Lembaga Tabung Haji di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, ketika ditanya perkembangan terbaru cadangan tawaran daripada syarikat berpangkalan di Indonesia untuk memiliki 95 peratus kepentingan ekuitinya dalam PT TH Indo Plantation (THIP), beliau berkata, perkara berkenaan dalam proses untuk dimuktamadkan dengan tawaran harga RM2.78 bilion.